

4x100 wanita terjejas tanpa Komalam

BERITA HARIAN 26/8/2017 p.93

Kuala Lumpur: Kuartet 4x100 meter wanita negara mengakui terjejas tanpa kehadiran S Komalam yang digugurkan oleh Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) saat akhir menjelang bermula Sukan SEA.

Bagi Siti Fatima Mohamad, dia mengakui tanpa kelibat Shally Komalam dalam kuartet negara memberi kesan yang cukup mendalam kepada prestasi pasukan, semalam.

"Tanpa Komalam memang mengganggu. Jika diikutkan kita

boleh buat lagi baik. Komalam antara pelari terbaik negara dan lariannya di selekoh mampu untuk membantu negara.

"Naluri saya kuat mengatakan jika dia berada dalam pasukan saya sekurang-kurang kita mampu mempertahankan pingat gangsa yang dimenangi dua tahun lalu.

"Acara 4x100m ini memerlukan keserasian dan kesefahaman

dan tidak boleh dibentuk dalam tempoh sebulan.

Harapan gangsa

Kuartet 4x100m negara berada di landasan yang tepat rentetan kejayaan memecahkan rekod kebangsaan sebanyak dua kali dalam tempoh sebulan iaitu ketika di Terbuka Vietnam dan Kejohanan Trek dan Padang Asia di India, bulan lalu namun kemelut yang me-



landa menyebabkan percaturan barisan pelari wanita terpaksa ditukar.

Ketika diletakkan harapan sekurang-kurangnya mempertahankan pingat gangsa yang dimenangi dua tahun lalu di Sukan SEA Singapura, kuartet yang dibarisi oleh Zaidatul Husniah Zulkifli, Siti Fatima Mohamad, Azreen Nabila Alias, dan Fatin Faqihah Mohd Yusof gagal untuk menyerlah.

Oleh Aida Adilah Mat dan Mohd Fitrie Muhamad